

Pemikiran al-Ghazali tentang Hubungan antara Muslim dengan Muslim dan Muslim dengan Non Muslim

Imam al-Ghazali's thoughts on the Relationship between Muslims with Muslims and Muslims with Non-Muslims

AHMAD MUNAWAR ISMAIL
ABDUL MUHAIMIN MAHMOOD

ABSTRAK

Keharmonian dan keamanan merupakan tonggak kepada terbentuknya sebuah tamadun yang unggul dan lestari. Keharmonian dan keamanan ini akan kekal selagi mana persefahaman dan kesepaduan dapat dilaksanakan secara konsisten dengan menjaga hubungan dan keadilan semua pihak. Hubungan dan keadilan ini boleh dipelihara selagi mana kita mematuhi prinsip-prinsip asas kemanusiaan seperti yang telah digariskan dalam syariat Islam. Antara tokoh pemikir Islam yang membicarakan hal ini adalah al-Ghazali (405-505H/1058-1111M). Beliau terkenal sebagai pakar dalam pelbagai disiplin termasuk ilmu fiqh, ilmu akidah, falsafah dan tasawuf. Artikel ini membahaskan pemikiran beliau mengenai aspek penting dalam hal ini dengan memberi tumpuan kepada pemikiran beliau terhadap hubungan antara muslim dengan muslim dan hubungan antara muslim dengan non muslim. Artikel ini adalah hasil dapatan kajian yang menggunakan analisis kandungan sebagai medium pengumpulan data. Selain itu, temu bual turut digunakan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan khususnya dalam konteks Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan, ada dua bentuk hubungan yang mesti dirai dan dilaksanakan oleh umat Islam. Pertama, hubungan berasaskan akidah dan kedua, hubungan berasaskan hak, kehormatan dan kemanusiaan. Pemikiran al-Ghazali mengenai hal ini juga tidak dibahaskan dalam satu bab khusus dalam mana-mana karya beliau, sebaliknya ia telah dibicarakan dalam bab-bab yang berasingan seperti dalam bab muamalat, jinayah dan jihad sesuai dengan topik-topik yang dibahaskan. Jelasnya, apa pun kaedah yang yang kita laksanakan, hak dan tanggungjawab memelihara hubungan dan keadilan sesama manusia itu mesti berlaku dalam batasan yang dibenarkan syarak.

Kata kunci: al-Ghazali; muslim; non muslim; persaudaran agama; dan persaudaran insan

ABSTRACT

Harmony and peace are the pillars to the formation of a superior and sustainable civilization. It will remain as long as understanding and unity can be implemented consistently by maintaining justice for all parties. This justice can be maintained as long as we adhere to the basic principles of human relations that have been outlined through Islamic law. Among the Islamic thinkers who talked about this was al-Ghazali (405-505H/1058-1111M). He is well known as an expert in various disciplines including fiqh, faith, philosophy and Sufism. This article discusses his thoughts on important aspects in this regard by focusing on his thoughts on the relationship between Muslims and Muslims and the relationship between Muslims and non-Muslims. This article is the result of a study that uses content analysis as a data collection medium. In addition, interviews are also used to obtain relevant information, especially in the context of Malaysia. The findings of the study show that there are two forms of relationship that must be respected and implemented by Muslims. First, a relationship based on faith and second, a relationship based on rights, honor and humanity. Al-Ghazali's thoughts on this matter are also not discussed in a specific chapter in any of his works, instead it has been discussed in separate chapters such as in the chapters of muamalat, jinayah and jihad in accordance with the topics discussed. Clearly, whatever method we implement, the right and responsibility to preserve the relationship and justice among human beings must occur within the limits allowed by the Syara'.

Keywords: al-Ghazali; Muslim; non-Muslim; religious brotherhood; and human brotherhood

PENGENALAN

Ketenteraman merupakan antara asas penting kepada sebuah tamadun yang hebat. Ketenteraman tidak akan terbentuk melainkan hubungan di setiap lapisan masyarakat dapat diuruskan dengan baik bermula dari peringkat individu, keluarga, masyarakat dan negara. Perbezaan kepercayaan, agama, bangsa, kaum, budaya perlu diuruskan dengan baik dan bijaksana kerana perkara tersebut merupakan fitrah kejadian manusia. Islam telah menggariskan panduan yang jelas berhubung bentuk hubungan antara sesama manusia seluruhnya seiring dengan kedudukan Islam sebagai agama yang bersifat universal dan sejagat. Kesejagatan Islam untuk seluruh manusia telah dinyatakan secara jelas dalam surah Saba' (34) ayat 28, maksudnya;

Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu).

dan dalam surah al-A'raf (7) ayat 158 pula Allah SWT berfirman, maksudNya;

Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya.

Kedua-dua ayat ini menunjukkan risalah Islam adalah risalah bersifat sejagat dan kemanusiaan (al-Qaradawi 1997). Rentetan itulah Islam sentiasa terbuka dan responsif terhadap persekitaran dan sentiasa terbuka menerima kepelbagaian dan kewujudan semua pihak serta senantiasa bersedia menerima peradaban asing dan budaya bangsa-bangsa lain di seluruh dunia (Ali Jum'ah 2011). Penindasan dan perbuatan radikal terhadap golongan yang berlainan agama, bangsa, budaya dan seumpamanya sama sekali ditegah dalam Islam. Oleh sebab itu, umat Islam perlu mengetahui konsep perhubungan sesama manusia agar keindahan Islam dapat diserlahkan dan dalam masa yang sama dapat mengelakkan mereka dari melakukan tindakan-tindakan yang dapat merosakkan imej Islam sebagai agama yang mendukung keamanan dan kesejahteraan seluruh alam. Dalam Islam, ketinggian budi dan akhlak amat dititikberatkan dalam perhubungan manusia sehinggakan Rasulullah SAW menyifatkan pengutusan baginda adalah untuk menyempurnakan akhlak (al-Ghazali t.th). Akhlak mulia yang ditunjukkan Rasulullah

SAW bukan hanya terhadap sesama muslim bahkan turut meliputi manusia keseluruhannya sama ada yang beriman atau memusuhinya (Ali Jum'ah 2018).

KONSEP HUBUNGAN MUSLIM DENGAN MUSLIM

Persaudaraan dalam Islam adalah sebahagian daripada akidah Islam. Konsep persaudaran sesama muslim terbentuk di atas dasar akidah bermula dengan beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat (Ahmad Munawar 2012). Ikatan persaudaraan ini disebutkan sebagai persaudaraan seagama (*ukhwah diniyyah*). Asas ikatan persaudaraan ini telah dinyatakan oleh Allah SWT dalam surah al-Hujurat (49) ayat 10, maksudnya:

Sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.

Al-Qurtubi (1964) dalam menafsirkan ayat ini menyatakan terdapat tiga perkara yang dijelaskan dalam ayat ini. Pertama dimaksudkan dengan "sebenarnya orang-orang yang beriman itu adalah bersaudara" adalah persaudaraan dari aspek agama dan kehormatan, bukannya persaudaraan melalui nasab (keturunan). Persaudaraan atas nama agama adalah lebih utuh, berbanding persaudaraan melalui keturunan kerana hubungan persaudaraan melalui keturunan akan terputus apabila bertentangan dengan agama, sedangkan persaudaraan atas nama agama tidak akan terputus dengan perbezaan keturunan. Kedua "maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu" dalam ayat ini adalah semua orang Islam yang bertelingkah. Ketiga, ayat ini dan ayat sebelumnya (ayat 9) membuktikan bahawa golongan *bughah* (melampaui batas dengan melakukan kezaliman terhadap pihak lain) tidak menjadikan mereka kufur (kafir). Sekiranya mereka yang *bughah* itu dianggap kufur nescaya Allah SWT tidak akan menyifatkan mereka sebagai saudara bagi orang yang beriman dalam ayat tersebut.

Hubungan atas dasar akidah ini mengatasi hubungan-hubungan lain yang dibina di atas dasar asabiyyah kepada kaum, bangsa, keturunan, tempat, warna kulit dan sebagainya. Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang dihimpunkan dalam Sunan Abu Daud, *Bab Fi al-Asabiyyah*, no hadis 5121 telah menegaskan bahawa asabiyyah bukan sifat bagi umat Baginda SAW, maksud;

Bukan termasuk umatku siapa saja yang menyeru orang pada asabiyah, bukan dari golongan kami orang yang berperang kerana asabiyah, dan bukan dari golongan kami orang yang mati kerana asabiyah.

Asas persaudaraan sesama muslim atas dasar keimanan kepada Allah SWT turut dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Saidina Anas bin Malik RA yang telah dihimpunkan dalam Sahih al-Bukhari, *Bab Min Al-Iman an Yuhibba liakhihi ma Yuhibbu li Nafsih*, no hadis 13 yang bermaksud:

Tidak sempurna iman seseorang kamu sehingga dikasihi untuk saudaranya apa yang dikasihi untuk dirinya.

Dalam hadis ini, Rasulullah SAW telah menyatakan kesempurnaan iman seseorang muslim turut diukur dengan sejauh mana ia menjaga hubungan persaudaraan sesama muslim. Mengasihi saudara muslim adalah pelengkap kepada iman seseorang, setelah beriman kepada Allah SWT. Atas asas keimanan inilah seseorang mukmin akan berusaha mengelakkan diri mereka dari melakukan perbuatan-perbuatan yang dapat menyakiti, menzalimi dan merenggangkan hubungan persaudaraan mereka. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA dalam Sahih Muslim, *bab Tahrim Zulm al-Muslim wakhazlihi wahtiqrarihi wadamih wairdih wamalihi*, no. hadis 2564 yang bermaksud:

Janganlah kalian saling berhasad dengki, janganlah kamu (sebagai pembeli) berpura-pura menawarkan harga yang tinggi dengan tujuan memperdaya orang lain supaya membelinya dengan harga yang lebih tinggi, janganlah kamu benci-membenci atau menaruh permusuhan dan janganlah kamu putus hubungan mesra, pulau memulau sesama sendiri, dan janganlah kamu (sebagai pembeli) memotong jalan penjual yang lain. (Janganlah kamu melakukan perkara-perkara keji itu) tetapi jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara. (Ingatlah!) orang Islam adalah saudara orang Islam yang lain; janganlah seorang muslim menyakiti saudaranya itu, dan janganlah ia mengecewakannya semasa orang itu memerlukan pertolongan, dan juga janganlah ia memandang rendah kepadanya apa lagi menghinanya. (Sebenarnya) takwa bertempat di sini! (Baginda menjelaskan demikian) dengan menunjukkan kepada dadanya tiga kali. (Kemudian Baginda menegaskan lagi): Cukuplah (nyatanya) seseorang itu melakukan sesuatu perkara yang jahat apabila ia memandang rendah atau menghinakan saudara yang sesama Islam. Keseluruhan hak seorang muslim adalah haram atas seorang muslim yang lain (bertindak terhadapnya menurut cara yang tidak dibenarkan oleh syarak) iaitu: darahnya (keselamatan nyawa dan tubuh badannya) dan kehormatannya.

Dalam hadis riwayat Abi Musa al-Ash'ari RA yang dihimpunkan dalam Sahih Muslim, *Bab Tashbik al-Asabi' fi al-Masjid wa Ghairihi*, no

hadis 481 pula, Rasulullah SAW menyifatkan ikatan persaudaraan sesama muslim sebagai satu binaan bangunan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya seorang mukmin dengan mukmin lainnya seperti satu bangunan yang saling menguatkan satu sama lain. Kemudian (Baginda menjelaskan demikian) dengan menganyam (memasukkan) jari jemari kedua tangannya.

Semua hadis di atas merupakan sebahagian daripada hadis yang menunjukkan Islam tidak hanya terhad kepada rukun iman dan rukun Islam yang mengatur ibadat manusia dengan tuhaninya sebaliknya Islam meliputi seluruh aspek kehidupan manusia termasuklah mengatur hubungan antara manusia dengan masyarakat sekeliling mereka jua (JAKIM 2009). Sekiranya berlaku perselisihan dalam kalangan umat Islam maka usaha menyatukan pihak-pihak yang bertelingkah perlu dilakukan secara adil dan bijaksana. Seandainya ada puak dalam kalangan umat Islam telah melampau batas dan melakukan kezaliman terhadap puak yang lain, usaha untuk mengembalikan ke jalan Allah perlu dilakukan walaupun dengan cara memerangi mereka. Menjelaskan perkara tersebut Allah SWT berfirman dalam surah al-Hujurat (49), ayat 10-13 yang bermaksud,

Sesungguhnya orang-orang mukmin itu bersaudara, karena itu damaikanlah antara kedua saudaramu (yang berselisih) dan bertakwalah kepada Allah agar kamu mendapat rahmat; Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah suatu kaum mengolok-olok kaum yang lain (karena) boleh jadi mereka (yang diperolok-olokkan) lebih baik dari mereka (yang mengolok-olok) dan jangan pula perempuan-perempuan (mengolok-olokkan) perempuan lain (karena) boleh jadi perempuan (yang diperolok-olokkan) lebih baik dari perempuan (yang mengolok-olok). Janganlah kamu saling mencela satu sama lain dan janganlah saling memanggil dengan gelar-gelar yang buruk. Seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk (fasik) setelah beriman. Dan barangsiapa tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim; Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah banyak dari prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah ada di antara kamu yang menggunjing sebahagian yang lain. Apakah ada di antara kamu yang suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? Tentu kamu merasa jijik.

Kesemua ayat dan hadis yang dinyatakan di atas telah cukup memadai untuk menjelaskan bahawa konsep perhubungan sesama muslim adalah berasaskan kepada taqwa kepada Allah SWT. Hubungan ini telah melampaui hubungan nasab dan keturunan. Hubungan atas dasar akidah dan keimanan kepada Allah SWT ini akan menjadi

benteng kepada umat Islam daripada perlakuan negatif seperti prasangka, mencela, memanggil dengan gelaran yang buruk dan mencari-cari kesalahan orang lain. Sebaliknya, taqwa ini akan mendorong umat Islam sentiasa bantu-membantu, tolong-menolong dan berkasih-sayang antara satu sama lain meskipun mereka berbeza hubungan nasab, bangsa, warna kulit dan batasan geografi. Perumpamaan hubungan antara satu sama lain ini dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sayidina Nukman bin Bashir RA di mana hadis tersebut direkodkan dalam Sahih Muslim, Kitab al-Bir wa al-Silah wa al-Adab, bab *Tarahum al-Mu'minin wa Ta'atufuhum wa Ta'adudihim*, no. hadis 66 yang bermaksud;

Perumpamaan (persaudaraan) orang mukmin dalam hal saling mencintai, mengasihi dan menyayangi bagaikan satu batang tubuh. Apabila terdapat salah satu anggota tubuh merasa sakit, maka seluruh tubuhnya akan merasa sakit (tidak mampu tidur) dan demam (merasa panas merasakan kesakitannya).

KONSEP HUBUNGAN MUSLIM DENGAN NON MUSLIM

Sebagai agama yang syumul dan universal, Islam bukan sahaja mengatur bentuk hubungan yang baik secara aman dan damai sesama muslim bahkan turut mengatur bentuk hubungan orang Islam dengan orang bukan Islam. Al-Quran dan sunah telah menggariskan beberapa falsafah yang menjadi asas kepada bentuk hubungan sesama manusia secara aman dan harmoni termasuklah dengan non muslim. Antara falsafah tersebut ialah;

1. Fitrah kepelbagaian

Kepelbagaian, berbilang-bilang dan wujudnya perbezaan merupakan sebahagian dari fitrah penciptaan makhluk di alam ini. Keseluruhannya berasal dari satu pencipta yang sama iaitu Allah SWT. Penciptaan manusia yang berbilang bangsa dan puak, berbeza jenis dan warna kulit kesemuanya berasal dari hanya satu ciptaan yang satu iaitu nabi Adam AS. Kepelbagaian juga akan tetap terjadi termasuklah dalam konteks adat resam dan sebagainya, Sungguhpun manusia berada di bawah satu tamadun dan kebudayaan yang sama kerana kesemua yang terjadi itu adalah sebahagian dari fitrah dan sunah ciptaan Allah SWT (Muhamad Imarah 2007). Rentetan itu, Allah SWT menyatakan dalam surah Hud (11), ayat 118-119, yang bermaksud,

Dan kalaulah Tuhanmu (wahai Muhammad) menghendaki, tentulah Ia menjadikan umat manusia semuanya menurut agama yang satu. (Tetapi Ia tidak berbuat demikian) dan kerana itulah mereka terus-menerus berselisihan. Tetapi orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanmu, (mereka bersatu di dalam agama Allah); dan untuk (perselisihan dan rahmat) itulah Allah menjadikan manusia. Dan dengan yang demikian sempurnalah janji Tuhanmu: Sesungguhnya Aku akan memenuhi neraka jahannam dengan sekalian jin dan manusia (yang berdosa).

2. Kepelbagaian kepercayaan dan agama adalah Sunnatullah

Apabila kepelbagaian menjadi sebahagian dari fitrah manusia dan sunnatullah, maka kewujudan kepelbagaian kepercayaan, pemikiran dan keyakinan pasti tidak akan dapat dielakkan. Rentetan itulah perkataan agama (*al-din*) telah disebutkan berulang kali dalam al-Quran lebih dari 60 tempat yang membuktikan Islam mengiktiraf kewujudan pihak yang berbeza kepercayaan dan agama (Ibrahim Saqer 2016). Memadai bagi menjelaskan pendirian Islam terhadap pihak yang berbeza kepercayaan dan agama ini apa yang dinyatakan Allah SWT dalam surah al-Kafirun (109) ayat 1-6, maksudnya yang bermaksud,

Katakanlah (wahai Muhammad): Hai orang-orang kafir! Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah. Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat. Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat. Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.

Dan dalam surah al-Syura (42) ayat 15 pula Allah berfirman, maksudnya;

Oleh kerana yang demikian itu, maka serulah (mereka - wahai Muhammad - kepada beragama dengan betul), serta tetap teguhlah engkau menjalankannya sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka; sebaliknya katakanlah: "Aku beriman kepada segala Kitab yang diturunkan oleh Allah, dan aku diperintahkan supaya berlaku adil di antara kamu. Allah jualah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal kami dan bagi kamu amal kamu. Tidaklah patut ada sebarang pertengkaran antara kami dengan kamu (kerana kebenaran telah jelas nyata). Allah akan menghimpunkan kita bersama (pada hari kiamat), dan kepadaNya lah tempat kembali semuanya (untuk dihakimi dan diberi balasan).

3. Hidayah adalah milik Allah SWT

Umat Islam telah ditanamkan dalam akidah kepercayaan mereka bahawa hidayah hanyalah milik Allah secara mutlak. Hanya Allah yang dapat memberikan hidayah kepada sesiapa yang kehendaki

pada masa dan waktu yang ia ingini. Manusia sesekali tidak berkuasa memberikan hidayah terhadap orang lain meskipun terhadap anak dan keluarga mereka yang mereka kasihi. Perihal demikian dinyatakan secara jelas dalam surah al-Baqarah (2) ayat 272, maksudnya:

Tidaklah engkau diwajibkan (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajibanmu hanya menyampaikan petunjuk), akan tetapi Allah jualah yang memberi petunjuk (dengan memberi taufik) kepada sesiapa yang dikehendakinya (menurut undang-undang peraturannya).

Dalam ayat yang lain Allah menyatakan tugas seorang muslim hanya perlu berusaha untuk menyampaikan dakwah sahaja kepada bukan Islam kerana hidayah hanya dari Allah. Perintah tersebut dirakamkan dalam surah al-Syura (42) ayat 48 yang bermaksud,

Oleh itu, jika mereka berpaling ingkar, maka Kami tidak mengutusmu (wahai Muhammad) sebagai pengawas terhadap mereka; tugasmu tidak lain hanyalah menyampaikan (apa yang diperintahkan kepadamu).

Atas dasar ini jugalah, bukan tugas seorang muslim untuk menghukum orang yang menolak seruan dan dakwah Islam kerana hanya Allah akan menghukum atas keingkaran mereka di dunia ini pada hari perhitungan di akhirat nanti. Ketetapan ini dirakamkan Allah dalam surah al-Hajj (22) ayat 68-69 yang bermaksud,

Dan jika mereka mengemukakan bantahan kepadamu, maka katakanlah: Allah Amat Mengetahui akan apa yang kamu lakukan. Allah akan menghukum di antara kamu semua pada hari kiamat, mengenai apa yang kamu berselisihan padanya.

Bertitik tolak dari falsafah inilah, nurani seorang muslim menjadi tenang dan tenteram dari sebarang bentuk permusuhan dan pertembungan dengan golongan yang berlainan kepercayaan dan agama. Dalam masa yang sama jiwa seorang muslim turut tidak akan lagi bergolak kebingungan di antara dua persimpangan kepercayaan akidah mereka terhadap kekufuran orang kafir dengan tuntutan berbuat baik terhadap golongan bukan Islam, bahkan mereka akan akur dengan kewujudan agama dan kepercayaan yang pelbagai disekeliling mereka (al-Qaradawi 2004).

Jelas, Islam tidak melihat perbezaan anutan kepercayaan agama semata-mata sebagai perkara yang mengharuskan permusuhan dan pertelingkahan sesama manusia. Ia juga bukannya

asas yang dapat menegah kehidupan secara damai, saling membantu dalam perihal kehidupan umum dengan mereka yang berlainan agama. Jauh sekali untuk menjadikan asas perbezaan tersebut sebagai perkara yang mengharuskan peperangan (Shaltut 2019). Peperangan dalam Islam hanyalah bagi mempertahankan diri, bukannya untuk menjajah dan menakluki negara kerana asas hubungan interaksi orang Islam dengan bukan Islam terbentuk atas nilai kedamaian dan keamanan bukannya peperangan (Khalaf 1947). Sekiranya hubungan sesama muslim dibentuk atas asas akidah, hubungan dengan bukan Islam pula dibina atas dasar kemanusiaan yang disebutkan sebagai persaudaraan insan (*ukhawah insaniyyah*) (Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi 2021).

Terdapat banyak dalil baik dari al-Quran mahupun dari hadis yang menjelaskan konsep hubungan muslim dan dengan bukan muslim yang menjadi jambatan pertemuan yang dapat menghubungkan manusia keseluruhannya atas asas kemanusiaan meskipun berbeza anutan agama. Antaranya firman Allah SWT dalam surah al-Mumtahanah (60) ayat 8 dan 9 yang bermaksud,

Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.

Al-Qurtubi (1964) menyebutkan “Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu)” sebagai *rukhsah* dari Allah SWT untuk menjalinkan hubungan dengan berbuat baik terhadap bukan Islam yang tidak memusuhi dan memerangi golongan orang Islam. Menurut al-Qurtubi, ayat ini diturunkan setelah Qutailah, ibu kepada Asma’ binti Abu Bakr RA telah datang ke Madinah bagi menemui anaknya dengan membawa hadiah bersama-samanya. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun berlakunya genjatan senjata melalui perjanjian Hudaibiyyah. Rentetan itu Asma’ RA telah mengadu kepada Rasulullah SAW tentang perkara tersebut apakah ia boleh menerima atau sebaliknya pemberian dari ibunya yang masih mushrik. Rentetan peristiwa itulah diturunkan ayat ini.

HUBUNGAN MUSLIM DENGAN BUKAN MUSLIM DALAM KONTEKS NEGARA MALAYSIA

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai sejarah tersendiri. Pada tahun 2021 dianggarkan penduduk Malaysia telah mencecah 32.7 juta orang. Dari jumlah tersebut 30 juta adalah warganegara dan 2.7 juta pula bukan warganegara. Dari aspek komposisi penduduk mengikut etnik utama pula Bumiputera mendominasi dengan 68.9 peratus berbanding Cina 22.4 peratus, India 6.8 peratus dan diikuti lain-lain etnik sebanyak 1.0 peratus (Mohd Uzir Mahidin 2021). Terdapat tiga kaum utama yang mendominasi penduduk Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India. Manakala agama dan kepercayaan utama dianuti oleh rakyat Malaysia pula ialah Islam, Kristian, Hindu dan Buddha (Mohd Farid Mohd Shahrān 2021).

Malaysia mengamalkan konsep integrasi bagi memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat majmuk, di mana kepelbagaian yang ada diraikan sama ada dari aspek bahasa dan budaya. Konsep ini berbeza dengan konsep asimilasi yang diterapkan di negara jiran seperti Thailand dan Indonesia di mana semua kaum dan budaya dicantumkan di bawah satu identiti yang sama (Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi 2021b). Usaha untuk menyatupadukan rakyat yang majmuk khususnya dari aspek kaum dan kepercayaan agama merupakan perkara yang amat diberi perhatian oleh pihak kerajaan kerana perpaduan rakyat akan melahirkan sebuah negara yang harmoni dan dengan perpaduan juga lah negara dapat bergerak menjadi sebuah negara yang stabil dan maju. Perpaduan juga akan dapat menentukan sejauhmanakan perancangan dan agenda kerajaan dapat dijayakan (Abdul Hadi Mohd Salleh 2021). Membentuk kesatuan dalam pelbagaian merupakan suatu cabaran yang amat sukar dilakukan dan untuk dicapai apabila melibatkan agama dan kaum (Mohd Farid Mohd Shahrān 2021).

Sungguhpun demikian, hubungan antara warganegara sama ada sesama muslim dan non muslim telah diikat dengan sebuah perlembagaan yang menjadi asas kepada jati diri negara Malaysia. Hak dan tanggungjawab semua warganegara terhadap satu sama lain telah dinyatakan secara jelas dalam peruntukan perlembagaan. Dalam konteks Malaysia, Perlembagaan Persekutuan menjadi undang-undang tertinggi negara yang mengatur bentuk hubungan sesama warganegara tanpa mengira agama, bangsa, budaya dan sebagainya. Perlembagaan ini menjadi

dokumen rasmi yang telah dipersetujui semua pihak secara bersama-sama setelah pandangan semua pihak diambil kira (Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi 2021). Justeru, semua warganegara hendaklah bertanggungjawab dan patuh terhadap semua prinsip dan peraturan yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa (Shamrahayu A. Aziz 2015). Apa sahaja undang-undang dan peraturan yang digubal sekiranya didapati bercanggah dan bertentangan dengan peruntukan perlembagaan maka ia dianggap tidak berpelembagaan dan tidak sah (Abdul Hamid Mohamad 2002).

PEMIKIRAN AL-GHAZALI TENTANG HUBUNGAN ANTARA MUSLIM DENGAN MUSLIM DAN MUSLIM DENGAN NON MUSLIM

Setiap orang muslim adalah bersaudara antara satu sama lain. Persaudaraan sesama muslim tertegak di atas asas agama dan akidah yang mengatasi sebarang bentuk hubungan lain termasuk hubungan nasab. Al-Ghazali (1993) menegaskan seseorang hamba (muslim) tidak akan mencapai hakikat keimanan yang sebenar selagi mana ia tidak mencintai semua umat Islam sebagaimana ia mengasihi dirinya sendiri. Seorang yang beriman hendaklah berdiri teguh bersama-sama dengan seluruh umat Islam, baik di saat sukar mahupun di saat senang kerana hubungan mereka diibaratkan seperti satu bangunan yang saling menguatkan antara satu yang lain. Ia juga diibaratkan sebagai satu batang tubuh, apabila salah satu anggota badan merasa sakit, seluruh anggota badan yang lain akan turut sama-sama menderita merasakan kesakitan. Sekiranya seseorang muslim mendapati dirinya tidak mempunyai perasaan sayangkan kepada saudara muslim yang lain, di saat itu ia perlulah berusaha memperbetulkannya dengan segera bagi mengelakkan dirinya terjerumus ke dalam kebinasaan.

Hubungan sesama muslim pastinya tidak dapat lari dari hak dan tanggungjawab yang wajib dilaksanakan. Al-Ghazali (t.th) menyifatkan akad persaudaraan yang mengikat antara dua individu adalah seperti akad nikah antara suami dan isteri. Sebagaimana akad nikah menuntut hak-hak yang wajib dilaksanakan bagi memenuhi hak dari pernikahan, sedemikian juga dengan akad persaudaraan ia turut melibatkan hak-hak yang perlu dilaksanakan dan ditunaikan untuk saudaranya seperti hak berkaitan dengan harta, hak berkaitan

nyawa, hak berkaitan lidah, hak berkaitan hati, hak berkaitan doa secara ikhlas, hak berkaitan janji yang dimenterai, hak untuk tidak membebankan saudara dan sebagainya. Setiap muslim juga perlu menjaga anggota badannya yang zahir dari melakukan perkara yang dapat menyakiti saudara muslim dan daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh Allah. Terdapat tujuh anggota zahir yang perlu dijaga iaitu tangan, kaki, mata, telinga, lidah, perut dan kemaluan. Di samping itu, anggota batin (hati) juga perlu dipelihara sebaiknya agar tidak dihindangi penyakit-penyakit yang membinasakan khasnya penyakit riyak, hasad dan ujub. Ketiga-tiga penyakit-penyakit batin ini bukan sahaja dapat merosakkan hubungan sesama manusia bahkan turut mengundang murka Allah SWT.

Dalam mengharungi kehidupan seharian seseorang manusia tidak dapat lari dari perlu berinteraksi dengan pelbagai ragam manusia. Tahap keperluan untuk berinteraksi dan bergaul dengan pihak-pihak yang pelbagai ini juga tidak sama keperluannya antara satu sama lain. Keperluan pergaulan tersebut sama ada seperti makanan asas yang tidak dapat dielakkan, atau, seperti ubat di mana keperluan terhadapnya hanyalah pada waktu-waktu tertentu sahaja bukan pada setiap masa, atau, seperti penyakit yang perlu dielakkan namun kadangkala seseorang tetap diuji sungguhpun tidak menyukainya. Justeru, seseorang perlu bijak dalam menguruskan kehidupan termasuk memilih rakan dan teman rapat. Seseorang manusia tidak dapat lari dari bergaul dan berinteraksi dengan tiga golongan manusia (selain daripada ibu bapa, guru dan murid mereka) iaitu orang yang mereka tidak kenali (*majāhil*), sahabat karib (*asdiqa'*), dan orang dikenali (*ma'arif*) (al-Ghazali 1993). Pergaulan dan interaksi dengan dengan semua golongan ini memerlukan kepada seseorang menjaga adab-adab pergaulan. Pergaulan tidak akan sempurna tanpa adab dan akhlak terpuji kerana ketiggian akhlak akan membuahkan hubungan yang erat, mesra dan dapat memupuk kasih sayang, persepakatan dan keharmonian. Sedangkan akhlak yang buruk pula akan menyebabkan perpecahan, hasad dengki (iri hati), pertelingkahan dan reaksi yang tidak baik. Berikut merupakan garis panduan adab-adab pergaulan yang telah ditunjukkan oleh al-Ghazali (Al-Ghazali (t.th); al-Ghazali 1993);

1. Apabila bersama-sama dengan orang yang tidak dikenali, seseorang muslim hendaklah berusaha mengelakkan diri dari turut serta dalam perbualan dan percakapan kosong, tidak

mendegar percakapan-percakapan mereka yang jahat, mengelakkan diri dari banyak bertemu dan berhajat kepada mereka dan sekiranya perlu memberikan teguran terhadap kesalahan pekerjaan atau perbuatan yang mereka lakukan maka tegurlah dengan baik dan penuh hikmah seandainya mereka bersedia menerima teguran.

2. Apabila bersama-sama dengan sahabat karib berusaha untuk menenuhi hajat sahabat sedaya mungkin, menjaga rahsia dan menutup keaibannya, menjadi pendengar yang baik ketika ia berbicara, memaafkan kesalahan yang dilakukannya, sentiasa mendoakan kebaikan terhadapnya, memanggilnya dengan nama yang paling ia sukai, dan menggunakan bahasa yang baik dan lemah lembut sekiranya perlu menasihatinya. Demikian adalah antara adab-adab dengan sahabat karib. Tidak semua orang layak dijadikan sahabat karib. Maka pilihlah sahabat dari kalangan orang yang berakal (bijak); seorang yang mempunyai akhlak yang terpuji; seorang yang soleh; seorang yang tidak tamak pada dunia, dan; bukan seorang pendusta. Kebijaksanaan memilih sahabat amat penting kerana sahabat merupakan cerminan kepada keperibadian seseorang muslim. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis yang direkodkan dalam Sunan al-Tarmizi, *Kitab al-Zuhd*, no hadis 2378, oleh Abu Hurairah ra yang bermaksud,

Seorang lelaki itu akan mengikut (cara hidup) sahabatnya. Oleh itu, seseorang kamu hendaklah melihat terlebih dahulu siapakah yang patut dijadikan sebagai sahabat.

3. Apabila bergaul dengan orang yang dikenali bukan dari kalangan sahabat karib, berhati-hati dalam bergaul dan berinteraksi dengan mereka kerana kejahatan biasanya datang dari orang yang sudah dikenali yang telah menunjukkan persahabatan melalui lidah mereka. Oleh itu dalam bergaul dengan orang dikenali ini jangan sesekali menghina sesiapa pun dalam kalangan mereka, elakkan memandang mereka dengan pandangan kebesaran disebabkan pangkat dan harta mereka miliki, jangan mengorbankan agama demi mendapatkan sedikit harta dari mereka, jangan bermusuhan dengan mereka, jangan terlalu teruja apabila mereka datang memuji dan meraikan kamu, sekiranya mereka bermurah hati menolong kamu maka ucapkan terima kasih kepada mereka dan bersyukurlah kepada Allah, dan sesekali memberikan nasihat

terhadap mereka melainkan setelah kamu mendapati mereka telah bersedia menerimanya.

Al-Ghazali (t.th) turut menyentuh tentang hubungan muslim dan non muslim. Golongan non muslim telah dikategorikan kepada tiga golongan iaitu *zimmi*, *mu'ahid* dan *harbi*. Non muslim yang dikategorikan sebagai kafir *harbi* (yang memerangi Islam) mereka boleh diperangi dan dibunuh, berbeza dengan non muslim dalam kategori *zimmi* dan *mu'ahid* mereka tidak boleh dizalimi atau disakiti. Sungguhpun demikian, seorang muslim tidak digalakkan untuk bergaul, bermuamalah atau berurusan dan makan dengan mereka. Meskipun demikian tiada halangan untuk bersimpati terhadap mereka dan bersikap dekat dengan mereka seperti mengirikan surat kepada mereka sungguhpun tindakan sedemikian ia dihukumkan sebagai makruh yang bersangatan berpandukan kepada firman Allah SWT dalam surah al-Mujadalah (82) ayat 21 yang bermaksud,

Engkau tidak akan dapati sesuatu kaum yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, tergamak berkasih-mesra dengan orang-orang yang menentang (perintah) Allah dan RasulNya, sekalipun orang-orang yang menentang itu ialah bapa-bapa mereka, atau anak-anak mereka, atau saudara-saudara mereka, ataupun keluarga mereka.

dan dalam surah al-Mumtahanah (60) ayat 1 pula Allah SWT berfirman yang bermaksud,

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuh kamu menjadi teman rapat, dengan cara kamu sampaikan kepada mereka (berita-berita rahsia orang-orang mukmin) dengan sebab hubungan baik dan kasih mesra yang ada di antara kamu dengan mereka, sedang mereka telah kufur ingkar terhadap kebenaran (Islam) yang sampai kepada kamu; mereka pula telah mengeluarkan Rasulullah (s.a.w) dan juga mengeluarkan kamu (dari Tanah Suci Makkah) disebabkan kamu beriman kepada Allah Tuhan kamu.

Para ulama ulama silam telah mengkategorikan negara pada ketika itu kepada dua iaitu sama ada negara Islam (*daulah Islamiyyah*) yang diperintah oleh orang Islam atau negara bukan Islam (*daulah harbiyyah*) yang diperintah non muslim yang memusuhi Islam. Pengkategorian negara ketika itu telah dibuat berasaskan kepada status agama. Manakala golongan non muslim yang mendiami negara Islam pula telah dibahagiakan kepada *zimmi*, *mu'ahid* dan *harbi*. Penggunaan istilah meluas digunakan dalam penulisan ulama silam seperti Imam Ibn Qayyim al-Jawziya (m 751H) dalam *Ahkan Ahl al-Zimmah*. al-Ghazali juga turut menggunakan istilah tersebut dalam *Al-Wasit fi al-*

Mazhab dan Ihya' Ulum al-Din. Penggunaan istilah tersebut juga telah digunakan secara meluas oleh para sarjana Islam kontemporari ketika membincangkan hubungan orang Islam dan bukan Islam seperti Abd al-Karim Zaidan (1988) dalam *Ahkam al-Zimmiyyin Wa al-Musta'minin Fi dar al-Islam*, al-Qaradawi (1983) dalam *Ghair al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami* dan al-Bahsanawi, Salim (2004) dalam *Qawaid al-Ta'amul Ma Gair al-Muslimin Fi Fiqh al-Islami*.

Sungguhpun demikian, sebahagian sarjana Islam berpandangan pembahagian non muslim kepada *zimmi*, *mu'ahid* dan *harbi* tidak lagi sesuai dan telah hilang justifikasinya setelah negara-negara dewasa ini telah mempraktikkan kerakyatan negara berasaskan kepada kewarganegaraan (*al-muwatinun*) dan terikat dengan perlembagaan dan undang-undang yang berkuat kuasa diperingkat nasional dan antarabangsa (Khairul Azhar 2016). Pandangan ini didokong oleh sarjana-sarjana terkemuda dewasa ini seperti Rasid Ghannoushi (1993) dalam karyanya *Huquq al-Muwatanah: huquq Ghayr al-Muslim fi al-Mujtama' al-Islami*, Zuhaili Mahmood (2004) dalam *The Status of Non Muslim Malaysia: An Analysis from the Perspective of Islamic Law*, Muhyi al-Din 'Afifi (2015) melalui karyanya *Safahat Mushriqah min Samahah al-Muslimin fi al-Ta'amul ma'a Ghair al-Muslimin*. Kewarganegara berasaskan keagamaan kini dilihat lebih sesuai digantikan dengan bentuk kewarganegaraan berasaskan status keperibumian kerana bebtuk pembahagain sebagaimana di praktikan pada zaman Khulafah Islamiyyah tidak lagi berpijak pada realiti negara bangsa yang telah diperaktikkan dalam dwasa ini khasnya di Malaysia (Khairul Azhar, Syamsul Azizul dan Rushdi 2017)

Perkembangan politik, ekonomi, teknologi dan bentuk perhubungan komunikasi dewasa ini telah merubah landskap perhubungan manusia dan gaya hidup mereka. Sehubungan itu, para ulama kontemporari telah mempopularkan terminologi *fiqh al-ta'ayush* sebagai pendekatan untuk membentuk perhubungan yang mesra, aman dan harmoni dikalangan warganegara yang ada di dalam sebuah negara yang majmuk (Ahmad Munawar, Abdul Muhaimin & Mohd Izhar 2021). Penjenamaan *al-ta'ayush al-silmi* telah mula giat dibincangkan para sarjana Islam dewasa ini setelah lahirnya fahaman-fahaman yang ekstrimis dan radikal atas nama Islam di seluruh dunia pada abad ke-19 yang telah menggugat ketenteraman awam dan kestabilan negara-negara Islam khasnya dan

lebih buruk tindakan tersebut telah menyebabkan gembira islamofobia menjadi semakin membesar dan Islam telah dianggap sebagai agama yang mempromosikan keganasan dan kekerasan (Ahmad Tayyib 2014). Sehubungan itu, ijtihad semasa dari aspek hukum berkaitan bentuk hubungan muslim dan non muslim perlu dilakukan dengan mengambil kira realiti negara dewasa ini tanpa meminggirkan nas-nas yang thabit dari al-Quran dan al-Sunnah. Hubungan muslim dan non muslim hendaklah berlaku dalam kerangka hak dan tanggungjawab yang digariskan dalam perlembagaan negara dan dalam ruang lingkup yang dibenarkan oleh syariat Islam tanpa menjejaskan identiti Islam sebagai agama yang tinggi dan tiada lebih tinggi daripadanya (Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi 2021).

KESIMPULAN

Secara keseluruhan, umat Islam perlu memahami dan menghayati bahawa Islam adalah agama yang sejagat dan universal. Agama ini telah mengatur segala aspek dan bentuk perhubungan sesama manusia seluruhnya sama ada sesama muslim mahupun dengan non muslim. Perkara tersebut turut diberikan perhatian oleh al-Ghazali dalam karyanya. Dalam hal ini beliau sangat menekankan tentang adab-adab dan akhlak yang mulia dalam semua bentuk hubungan sesama manusia kerana melalui cara tersebut hubungan menjadi lebih mesra yang akhirnya akan membentuk masyarakat dan negara yang aman dan harmoni. Pendekatan terbaik dalam menyelesaikan semua permasalahan hubungan kemanusiaan boleh dihayati melalui firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 9 yang bermaksud,

Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalim terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalim itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah; jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah), serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara); sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil kajian projek penyelidikan yang dijalankan melalui peruntukan geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia DCP-2017-009/3.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih Muhammad Basmeih. 1998. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Abdul Hadi Mohd Salleh. 2021. Transkripsi temu bual yang diadakan pada 25 Ogos 2021.
- Abdul Hamid Mohamad. 2002. Kedudukan Islam Dalam Perlembagaan Malaysia: Kesannya kepada Pembangunan Negara. Kertas Seminar "Memahami Malaysia Sebagai Sebuah Negara Islam". 17 & 18 September 2002
- Abu al-Husin, Muslim bin al-Hajjaj. t.thn. *Sahih Muslim*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi.
- Abu Daud, Sulaiman bin al-Ash'ath bin Islak. t.th. *Sunan Abi Daud*. Tahqiq Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Bayrut: al-maktabah al-'Asriyyah.
- Ahmad Munawar Ismail. Aqidah as a Basis of Social Tolerance: The Malaysian Experience. *International Journal of Islamic Thought Vol.1: (June) 2012*
- Ahmad Munawar Ismail, Abdul Muhaimin Mahmood, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. Mengenal Pasti Perwatakan Ekstremis Melalui Disiplin Fiqh Taayush. *ISLAMIYYAT 43(1) 2021: 121 – 134*.
- Ali Jum'ah. 2011. *Al-Ta'ayush bain al-Muslimin wa Ghairihim*. Dar al-Ifta' al-Masriyyah. No. siri fatwa: 2424, bertarikh 16 Ogos 2011.
- Ali Jum'ah. 2018. *Al-Ta'ayush Ma'a al-Akhar fi Dhau' al-Sirah al-nabawiyyah al-Usus wa al-Maqasid*. Al-Qaherah: Buruj Books.
- al-Bahsanawi, Salim .2004. *Qawaid al-Ta'amul Ma Gair al-Muslimin fi Fiqh al-Islami*. Dar al-Wafa'. Mansourah.
- Al-Bukhari, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim. 1311H. *Sahih al-Bukhari*. Misr: al-Sultaniyyah bi al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. T.th. *Ihya' Ulum al-Din*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1993. *Bidayah al-Hidayah*. Al-Qaherah: Maktabah Madbuli.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. 1417H. *Al-Wasit fi al-Mazhab*. Al-Qaherah: Dar al-Salam.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). 2009. *Mestika Hadis Rasulullah SAW*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Khalaf, Abdul Wahab. 1947. *Ilmu Usul al-Fikh Wa Khulasoh Tarikh al-Tashri' al-Islami*. Matba'ah Nasr.
- Khairul Azhar Meerangani, Syamsul Azizul Marinsah, Rushdi Ramli. 2017. *Kewajaran Penggunaan Istilah al-Dhimmi terhadap Non Muslim di Malaysia: Satu Analisis*. Jurnal Pengajian Islam. Bilangan 10, Isu II, hlm. 40-53.

- Khairul Azhar Meerangani. 2016. Isu Semasa Hubungan Sosial dengan Non Muslim di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam. Tesis Doktor Falsafah (PHD). Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Mohd Farid. 2021. *Kesatuan dan Kepelbagaian 'Keluarga Malaysia' Menurut Perspektif Pemikir Islam*. Kertas Webinar Diskusi Maqasid Syariah & Tadbir Urus Negara. Anjuran jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), 12 Oktober 2021.
- Mohd Uzir Mahidin. 2021. *Siaran Akhbar Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2021*. Jabatan Perangkaan Malaysia. 15 Julai 2021.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi. 2021. Konseptualisasi Fiqh al-Ta'ayush Malaysia dalam konteks Hubungan Sosio-Agama dan Penerapannya dalam Kurikulum Pendidikan Islam. Tesis Doktor Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi. 2021b. Transkripsi temu bual pada 10 Ogos 2021.
- Muhyi al-Din °Afifi. 2015. *Al-Muwathananh wa al-Ta'ayush al-Silmy fi Manzur al-Islam*. Dalam Min A'mal Muktamar al-Azhar al-'Alami li Muwajahati al-Tatharruf wa al-Irhab. Dar al-Qus al-'Arabi al-Qhahirah: 263-282.
- Muhamad Imarah. 2007. *Falsafah al-Islam fi al-Ta'amul Ma'a al-Akhar al-Dini wa al-Thaqafi*. Majallah Hara'. Ed. Oktober-Disember 2007. Istanbul: Shirkah Ishk Linnashr.
- Muhammad Fiqri Mohammad Azrin, Visnukumar Krishnan Moorthy dan Kamarul Azmi Jasmi. 2019. Media Sosial dan Perhubungan Sesama manusia Menurut Islam. Prosiding Seminar Sains Teknologi dan manusia 2019 (SSTM'19) pada 15 Disember 2019 di PD3, N29, fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM. Anjuran Akademi Tamadum Islam, FSSK, UTM, hlm. 49-60.
- al-Qaradawi, Yusuf. 1983. *Ghair al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami*. Muassahah al-Risalah. Beirut.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 1997. *Shumul al-Islam fi daw' sharh mufassal li al-usul al-'ishrin li al-Imam al-Shahid Hasan al-Banna*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Qaradawi, Yusuf. 2004. *Ghair al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islami*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. 1964. *Al-Jamie' Li Ahkam al-Quran*. Tahqiq, Ahmad al-Barduni dan Ibrahim Athfish. Al-Qhaherah: Dar al-Kitab al-Masriyyah.
- Rasid Ghannoushi. 1993. *Huquq al-Muwatanah: huquq Ghayr al-Muslim fi al-Mujtama' al-Islami*. al-Ma'had al-'Alami li al-Fikr al-Islami: Herndon.
- Shaltut, Mahmuh. 2019. *Islam °Aqidah wa Syari°ah*. Al-Qaherah: dar al-Qus al-'Arabi.
- Shamrahayu A. Aziz. 2015. *Memahami Konsep Kedaulatan Undang-Undang*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2015/05/53148/memahami-konsep-kedaulatan-undang-undang>. Pada 6 Mei 2015 (dilayari 14 November 2020)
- Zuhaili Mahmood. 2004. *The Status of Non Muslim Malaysia: An Analysis from the Perspective of Islamic Law*. Disertasi Sarjana. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya: kuala Lumpur.
- Zaidan, Abd al-Karim .1988. *Ahkam al-Zimiyin Wa al-Musta'minin fi dar al-Islam*. Muassahah al-Risalah. Beirut.

PENGARANG

Ahmad Munawar Ismail
Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia
munawar@ukm.edu.my

Abdul Muhaimin Mahmood
Cawangan Kajian Syariah
Bahagian Penyelidikan,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
p107167@siswa.ukm.edu.my